

**KETRAMPILAN KEMAHIRAN TEKNIKAL GRADUAN
INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA (IKBN)**

NURHUDA BINTI NIZAR

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Jabatan Ikhtisas Pendidikan
Fakulti Pendidikan Teknikal
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

OKTOBER, 2006

Khas buat mak dan abah...

Fatimah Bt. Hj. Harun dan Hj Nizar Hj Hassan

Segala dorongan dan pengorbanan yang diberikan terpahat di hati buat selamanya. Terima kasih di atas sokongan yang diberikan.

Buat yang Tersayang,

Mohd Al Imran Mohd Harun

Terima kasih atas segala dorongan dan sokongan yang diberikan.

Buat sahabat-sahabat MBV sesi 2005-2006

Terima Kasih atas bantuan dan nasihat



PTTA
PERPUSTAKAAN TUNJUNGAN AMINAH

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Bersyukur ke hadrat Allah dengan limpah rahmat dan hidayahNya, memberikan saya kekuatan untuk menyiapkan Projek Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional yang bertajuk "**Ketrampilan Kemahiran Teknikal Graduan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN)**". Terima kasih tidak terhingga kepada ayahanda dan bonda serta keluarga yang sentiasa memberi semangat dan dorongan kepada saya. Ucapan terima kasih juga kepada Prof. Madya Siti Fauzeyah Syed Salim selaku penyelia projek di atas bimbingan, nasihat dan galakan sepanjang proses menyiapkan kajian ini.

Penghargaan ini juga turut ditujukan kepada Pn. Sariah Safiee, dari Kementerian Belia dan Sukan kerana telah banyak membantu saya dalam memberikan maklumat mengenai graduan IKBN. Tidak lupa juga kepada Tn. Hj Shamsuddin, En Azman, Dr. Maizam, serta pensyarah-pensyarah FPTek yang telah memberi tunjuk ajar, pendapat dan ilmu yang berguna untuk membantu saya dalam menyiapkan kajian ini.

Ucapan terima kasih juga kepada sahabat-sahabat seperjuangan saya dan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan maklumat untuk menyiapkan kajian ini.

Akhir kata, saya berharap kajian ini dapat memenuhi matlamatnya serta memberi manfaat kepada masyarakat umum dan semoga segala apa yang dilakukan akan mendapat restu, keberkatan dan keredhaan dari Allah S.W.T.

ABSTRAK

Sektor perindustrian di negara Malaysia semakin berkembang dan bertambah maju. Kesan daripada pertumbuhan ekonomi tersebut, tenaga buruh yang berkualiti tinggi, serba boleh dan cepat menyesuaikan diri dengan perubahan keadaan perindustrian amat diperlukan. Jesteru, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap ketrampilan kemahiran teknikal graduan IKBN dalam melaksanakan tugas di sektor industri/syarikat. Tahap ketrampilan yang dilihat melibatkan empat aspek iaitu aspek pengetahuan, kemahiran, sikap dan keselamatan dari dua persepsi iaitu persepsi graduan IKBN dan juga persepsi pihak majikan. Selain itu, kajian ini juga mengenalpasti ciri-ciri kemahiran lain yang diperlukan oleh pihak industri selain dari kemahiran teknikal. Responden bagi kajian ini terdiri daripada 65 orang graduan IKBN yang telah tamat pada tahun 2003 dengan dianugerahi Sijil Kemahiran Jurusan Mekanikal Pemesinan. Instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik melalui kaedah penghantaran pos dan data yang diperolehi dianalisis menggunakan SPSS (versi 12) bagi mendapatkan nilai skor min. Dapatan kajian dari persepsi graduan IKBN menunjukkan graduan IKBN mempunyai tahap ketrampilan yang tinggi dari aspek pengetahuan, kemahiran, sikap dan keselamatan. Namun ianya bertentangan dengan pendapat pihak majikan yang menyatakan graduan IKBN hanya mempunyai tahap ketrampilan yang tinggi dari aspek pengetahuan, manakala dari aspek kemahiran, sikap dan keselamatan mereka berada di tahap yang sederhana. Walaubagaimanapun pihak majikan masih memerlukan ciri-ciri kemahiran lain seperti kemahiran merancang dan membuat keputusan, kemahiran hubungan Interpersonal, kemahiran berkomunikasi dan kemahiran kebolehsesuaian diri hasil maklumbalas yang didapati dari pihak industri.

ABSTRACT

Industrial sectors in Malaysia have progressed well and are now growing in numbers. As a consequence, labours who are diligent, dedicated and most importantly of high quality are immensely required. Thus, this research is done to identify the level of IKBN graduates in coping with the pace of industrial life. The expected level involves 4 aspects, knowledge, dexterity (skill), attitude and safety. The aspect can be further divided into 2, which are from the graduates' perspective and the employers' viewpoint. Apart from that, this research also recognizes other abilities or dexterities which are equally essential on top of the technical skills. Respondents of this research are 65 IKBN graduates who graduated on 2003 with "Sijil Kemahiran Jurusan Mekanikal Pemesinan" award. The research instrument used were questionnaires via postal mail and data collected has been analysed using SPSS in order to calculate the mean score. From the research, I can confidently conclude that IKBN graduates possess all the values I mentioned above and are of highly competent. However, the results contradicted with employers' view. To the employers the IKBN graduates are only competent in terms of knowledge but there is still room for improvement for their skills, safety and attitude. The employers looked for other criteria such as planning skills, decision making and communication skills. Communication between personnel is of paramount importance and comes together with adaptive skills. Industrial sector is an ever changing area. Industrial jobs entails expertise who are firm, motivated and steadfast in doing their job.

KANDUNGAN

| BAB | PERKARA | MUKA SURAT |
|------------|---------------------------------|-------------------|
| | PENGESAHAN STATUS TESIS | |
| | PENGESAHAN PENYELIA | |
| | JUDUL | i |
| | HALAMAN PENGAKUAN | ii |
| | HALAMAN DEDIKASI | iii |
| | HALAMAN PENGHARGAAN | iv |
| | ABSTRAK | v |
| | ABSTRACT | vi |
| | HALAMAN KANDUNGAN | vii |
| | HALAMAN SENARAI JADUAL | xi |
| | HALAMAN SENARAI RAJAH | xiii |
| | HALAMAN SINGKATAN | xiv |
| | HALAMAN SENARAI LAMPIRAN | xv |
| | | |
| I | Pengenalan | |
| | 1.1 Pendahuluan | 1 |
| | 1.2 Latar Belakang Masalah | 3 |
| | 1.3 Pernyataan Masalah | 4 |
| | 1.4 Objektif Kajian | 5 |
| | 1.5 Persoalan Kajian | 6 |

| | | |
|------|----------------------|----|
| 1.6 | Kerangka Teori | 6 |
| 1.7 | Kepentingan Kajian | 9 |
| 1.8 | Skop Kajian | 10 |
| 1.9 | Batasan Kajian | 10 |
| 1.10 | Definisi Operasional | 11 |
| 1.11 | Rumusan | 13 |

II KAJIAN LITERATUR

| | | |
|-------|-------------------------------------------|----|
| 2.1 | Pendahuluan | 14 |
| 2.2 | Sejarah ringkas IKBN | 15 |
| 2.3 | Definisi Ketrampilan | 18 |
| 2.3.1 | Jenis Kompetensi | 19 |
| 2.4 | Kemahiran Teknikal | 24 |
| 2.5 | Kemahiran Generik | 25 |
| 2.5.1 | Kemahiran Merancang dan Membuat Keputusan | 27 |
| 2.5.2 | Kemahiran Kebolehsesuaian Diri | 28 |
| 2.5.3 | Kemahiran Hubungan Interpersonal | 28 |
| 2.5.4 | Kemahiran Komunikasi | 29 |
| 2.6 | Kemahiran yang diperlukan oleh Industri | 30 |
| 2.7 | Rumusan | 31 |

III METODOLOGI

| | | |
|-----|------------------------|----|
| 3.1 | Pendahuluan | 32 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 32 |
| 3.3 | Populasi/Sampel Kajian | 33 |
| 3.4 | Kerangka Operasi | 35 |

| | | |
|-----|-----------------------------------|----|
| 3.5 | Instrumen Kajian | 38 |
| 3.6 | Kajian rintis | 40 |
| 3.7 | Kaedah Analisa Data | 42 |
| | 3.7.1 Kaedah Peratusan | 42 |
| | 3.7.2 Kaedah Penganalisa Skor Min | 43 |
| 3.8 | Andaian | 44 |
| 3.9 | Rumusan | 44 |

IV ANALISA DATA

| | | |
|-----|-------------------------------|----|
| 4.1 | Pendahuluan | 45 |
| 4.2 | Dapatan Kajian | 46 |
| 4.3 | Latar Belakang responden | 46 |
| 4.4 | Persoalan Kajian 1 | 47 |
| | 4.4.1 Ketrampilan Pengetahuan | 48 |
| | 4.4.2 Ketrampilan Kemahiran | 49 |
| | 4.4.3 Ketrampilan Sikap | 51 |
| | 4.4.4 Ketrampilan Keselamatan | 52 |
| 4.5 | Persoalan Kajian 2 | 53 |
| | 4.5.1 Ketrampilan Pengetahuan | 54 |
| | 4.5.2 Ketrampilan Kemahiran | 55 |
| | 4.5.3 Ketrampilan Sikap | 57 |
| | 4.5.4 Ketrampilan Keselamatan | 58 |
| 4.6 | Persoalan Kajian 3 | 59 |
| 4.7 | Rumusan | 61 |

V

PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

| | | |
|-------|------------------------------------------------------------------------|-----------|
| 5.1 | Pendahuluan | 62 |
| 5.2 | Perbincangan | 62 |
| 5.3 | Latar belakang Responden | 63 |
| 5.4 | Tahap Ketrampilan Teknikal Graduan IKBN dari Persepsi Graduan IKBN | 65 |
| 5.4.1 | Ketrampilan Pengetahuan | 65 |
| 5.4.2 | Ketrampilan Kemahiran | 66 |
| 5.4.3 | Ketrampilan Sikap | 67 |
| 5.4.4 | Ketrampilan Keselamatan | 67 |
| 5.5 | Tahap Ketrampilan Teknikal Graduan IKBN dari Persepsi Pihak Majikan | 68 |
| 5.5.1 | Ketrampilan Pengetahuan | 69 |
| 5.5.2 | Ketrampilan Kemahiran | 70 |
| 5.5.3 | Ketrampilan Sikap | 71 |
| 5.5.4 | Ketrampilan Keselamatan | 71 |
| 5.6 | Maklumbalas Perberzaan (Gap Analysis) | 72 |
| 5.6.1 | Item Ketrampilan Pengetahuan | 73 |
| 5.6.2 | Item Ketrampilan Kemahiran | 75 |
| 5.6.3 | Item Ketrampilan Sikap | 77 |
| 5.6.4 | Ketrampilan Keselamatan | 79 |
| 5.7 | Ciri-ciri Kemahiran Lain yang diperlukan oleh Industri | 80 |
| 5.8 | Kesimpulan | 83 |
| 5.9 | Cadangan | 84 |
| 5.10 | Rumusan | 85 |
| | RUJUKAN | 86 |
| | LAMPIRAN | 93 |

SENARAI JADUAL

| NO.JADUAL | TAJUK | M/S |
|-----------|----------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 2.1 | Empat aspek dalam Ketrampilan | 21 |
| 3.2 | Pemberatan Skala Likert | 39 |
| 3.3 | Jadual Penilaian Kebolehepercayaan, α | 41 |
| 3.4 | Nilai Alpha Cronbach bagi setiap bahagian Soal Selidik | 41 |
| 3.5 | Interpretsi Tahap Julat Min | 43 |
| 4.1 | Skor Min dan Tahap Ketrampilan Pengetahuan Graduan IKBN dari persepsi graduan IKBN | 48 |
| 4.2 | Skor Min dan Tahap Ketrampilan Kemahiran Graduan IKBN dari persepsi graduan IKBN | 49 |
| 4.3 | Skor Min dan Tahap Ketrampilan Sikap Graduan IKBN dari persepsi graduan IKBN | 51 |
| 4.4 | Skor Min dan Tahap Ketrampilan Keselamatan Graduan IKBN dari persepsi graduan IKBN | 52 |
| 4.5 | Skor Min dan Tahap Ketrampilan Pengetahuan Graduan IKBN dari persepsi pihak majikan | 54 |
| 4.6 | Skor Min dan Tahap Ketrampilan Kemahiran Graduan IKBN dari persepsi pihak majikan | 55 |
| 4.7 | Skor Min dan Tahap Ketrampilan Sikap Graduan IKBN dari persepsi pihak majikan | 57 |
| 4.8 | Skor Min dan Tahap Ketrampilan Keselamatan Graduan IKBN dari persepsi pihak majikan | 58 |

| | | |
|-----|--------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 4.9 | Skor Min ciri-ciri kemahiran lain yang diperlukan oleh industri | 59 |
| 5.1 | Gap Analysis tahap ketrampilan kemahiran Teknikal | 72 |
| 5.2 | Gap Analysis diantara persepsi graduan IKBN dan pihak majikan bagi item pengetahuan. | 73 |
| 5.3 | Gap Analysis diantara persepsi graduan IKBN dan pihak majikan bagi item kemahiran | 75 |
| 5.4 | Gap Analysis diantara persepsi graduan IKBN dan pihak majikan bagi item Sikap | 77 |
| 5.5 | Gap Analysis diantara persepsi graduan IKBN dan pihak majikan bagi item keselamatan. | 79 |
| 5.6 | Kemahiran Generik yang diperlukan oleh Industri | 81 |



SENARAI RAJAH

| NO.RAJAH | TAJUK | M/S |
|-----------------|-------------------------------------------------------------------|------------|
| 1.1 | Institut Latihan Kemahiran Awam di Malaysia | 2 |
| 2.1 | Ketrampilan Kemahiran Teknikal | 20 |
| 3.1 | Carta Alir Operasi Kajian | 37 |
| 5.1 | Maklumbalas responden terhadap pengedaran borang soal selidik. | 64 |



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI SINGKATAN

| | | |
|-------|---|----------------------------------------|
| IKBN | - | Institut Kemahiran Belia Negara |
| KBS | - | Kementerian Belia dan Sukan |
| ILP | - | Institut Latihan Perindustrian |
| RMK-9 | - | Rancangan Malaysia ke Sembilan |
| MLVK | - | Majlis latihan Vokasional Kebangsaan |
| SKK | - | Standard Kemahiran Kebangsaan |
| AKKP | - | Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja |



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

| LAMPIRAN | TAJUK | M/S |
|----------|-----------------------------------------|-----|
| A | Borang Soal Selidik untuk Graduan | 93 |
| | Borang Soal Selidik untuk Pihak Majikan | 100 |
| B | Keputusan Analisis Kajian Rintis | 107 |
| | Keputusan Analisis Persepsi Graduan | 113 |
| | Keputusan Analisis Persepsi Majikan | 116 |
| | Carta Sistem Aliran | 116 |
| | Senarai Kursus di IKBN | 120 |
| | Jadual Pengambilan dan Kelayakan Masuk | 121 |
| | Alamat Majikan | 123 |
| C | Borang pengesahan Pakar | 124 |
| | Borang kebenaran membuat kajian | |

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan


Sektor perindustrian di negara Malaysia semakin berkembang dan bertambah maju. Hal ini dapat dilihat daripada Laporan Ekonomi Malaysia (2003) yang menyatakan sektor perkilangan berkembang sebanyak 8.2% hasil pertumbuhan pengeluaran yang kukuh dalam industri yang berorientasikan permintaan pasaran luar dan dalam negeri. Kesan daripada pertumbuhan ekonomi tersebut, tenaga buruh yang berkualiti tinggi, serba boleh dan cepat menyesuaikan diri dengan perubahan keadaan perindustrian amat diperlukan. Kenyataan ini telah disokong oleh Jamal (2003) yang menyatakan bahawa tenaga manusia yang mahir, berbakat, kreatif dan bersemangat diperlukan untuk pembangunan ekonomi negara.

Oleh yang demikian, usaha-usaha telah dibuat untuk merancang sistem pendidikan yang berasaskan sains dan teknologi, menambahkan bilangan sekolah vokasional dan teknikal, kerjasama antara agensi-agensi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pendidikan dan mengalakkan penubuhan pusat latihan sendiri.

Tenaga kerja mahir dan produktif adalah pra-syarat untuk mengekalkan iklim pelaburan yang menggalakkan dan merupakan daya saingan keluaran Malaysia di pasaran dunia (Laporan Ekonomi Malaysia, 2003) Bagi memenuhi keperluan tenaga buruh ini, sistem penyampaian pendidikan dan latihan perlu menjadi lebih responsif kepada keperluan pasaran buruh yang dinamik. Justeru, kerajaan serta pihak yang bertanggungjawab telah menubuhkan pelbagai Institut Latihan Kemahiran untuk menghasilkan rakyat Malaysia yang mempunyai tenaga mahir dan separa mahir di samping mengurangkan proses pengambilan pekerja asing.

Selain bertujuan untuk melahirkan tenaga separa mahir, penubuhan Institut Latihan Kemahiran juga berperanan untuk mengurangkan jumlah pengangguran di negara kita. Institut Latihan Kemahiran Awam yang telah ditubuhkan adalah seperti Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) dibawah Kementerian Sumber Manusia. Kementerian Pendidikan pula mendirikan Sekolah Menengah Vokasional manakala di bawah Kementerian Belia dan Sukan mempunyai dua institut latihan kemahiran iaitu Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan Institut Kemahiran Tinggi Negara di Sepang. Bagi Latihan Kemahiran yang disediakan oleh MARA pula terdapat di Insitut Kemahiran Mara dan Pusat Giat Mara (Supian, Rahmah, Muhammad Annuar,1997).

Rajah 1.1: Institut Latihan Kemahiran Awam di Malaysia



1.2 Latar Belakang Masalah

Sebagai sebuah negara membangun dan berkembang pesat, Malaysia perlu meningkatkan kapasiti dan keterampilan modal insan yang telah dipertekankan dalam Rancangan Malaysia ke sembilan (RMK-9) supaya dapat menjadi pemangkin kemajuan negara. Salah satu usaha ke arah itu adalah melalui sistem pendidikan yang merupakan proses untuk mengeluarkan satu produk yang dapat merancakkan ekonomi negara.

Negara bukan sahaja memerlukan tenaga pekerja yang cemerlang dalam pencapaian akademik tetapi juga tenaga pekerja yang berjaya menambat hati pihak industri dalam memenuhi kemahiran yang dihendaki. Ini adalah untuk memastikan bahawa kemahiran yang dimiliki oleh tenaga pekerja benar-benar mengikut piawai Standard Kemahiran Kebangsaan seperti yang telah ditetapkan. Dalam suasana penuh cabaran dan persaingan, para majikan mengharapkan tenaga kerja yang serba lengkap bagi membolehkan sasaran prestasi organisasi masing-masing dicapai. Seseengah majikan ingin melihat pekerja yang baru diambil kerja memberi sumbangan optimum bagi memastikan hasil dapat diperolehi dalam waktu yang singkat.

Perkembangan sektor perindustrian yang semakin pesat telah mewujudkan masalah persaingan antara majikan untuk mendapatkan pekerja yang terlatih dan berkemahiran (Jamal, 2003). Oleh yang sedemikian, Institut Latihan Kemahiran telah ditubuhkan dan dirangka mengikut piawai Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) untuk melahirkan pekerja separa mahir yang mampu bersaing dalam dunia pekerjaan dan seterusnya dapat membantu meningkatkan ekonomi negara. Ini adalah kerana kekurangan kemahiran teknikal telah dikenal pasti sebagai satu kelemahan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Malaysia (Datuk Seri Rafidah Aziz, Utusan Malaysia 6 Ogos, 2003). Jesteru adalah wajar bagi setiap pelajar berusaha dalam memperbaiki dan meningkatkan diri mereka mengikut peredaran dunia teknologi sekarang.

Proses peningkatan diri adalah penting disebabkan keperluan yang tinggi oleh pihak majikan terhadap permintaan tenaga buruh mahir yang berdaya usaha, berfikiran saintifik dan kreatif serta lengkap dengan kebolehan bagi menyelesaikan sebarang masalah (Supian et.al,1997).

1.3 Pernyataan Masalah

Dalam proses membangunkan sesebuah negara, khususnya dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan, tenaga mahir dan separuh mahir dalam bidang vokasional dan teknik sangatlah diperlukan. Jesteru, negara harus mengambil inisiatif untuk melatih golongan belia mempunyai kemahiran dan kecekapan yang diperlukan di pasaran kerja. Ini dapat membantu pihak majikan menjimatkan kos dan masa bagi melatih semula pekerja baru dari segi kemahiran asas, sekiranya perkerja tersebut memiliki pendidikan vokasional atau teknik (Supian et.al, 1997).

Namun maklumat yang diperolehi dari sektor korporat mengatakan ramai pelajar baik dalam teori tetapi kebanyakan dari mereka gagal untuk memenuhi jangkaan korporat sektor (New Sunday Times, 2002). Ini adalah kerana mereka diajar berdasarkan kurikulum yang telah dirangka dan dijadualkan mengikut tahap pendidikan sedia ada sedangkan sektor industri semakin berkembang pesat mengikut teknologi yang semakin canggih dan mencabar. Ini turut disokong oleh Menteri Pengajian Tinggi pada ketika itu iaitu 'Datuk Shafie M.Salleh' (News Straits Time, 30 Mei 2004), yang menyatakan wujudnya ketidaksepadanan (mismatch) di antara pekerjaan yang ditawarkan dengan kemahiran yang diperlukan dalam pasaran menyebabkan ramai graduan yang gagal mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan mereka.

Manakala menurut Mason (1992), Sear (1994), Quek (1996) and Billet (2001), pada awal tahun 1990an, di sesetengah negara yang mempunyai pendidikan tertinggi

tidak beberapa menekankan kurikulum dalam mendapatkan pandangan majikan di tempat kerja. Sedangkan majikan mengkehendaki pekerja yang memiliki kemahiran seperti ketekunan, pemikiran kreatif, bersosial dan bekerjasama (Brown, 2002).

Menurut Presiden Dewan Usahawan Muda Bumiputera Malaysia iaitu Ahmad Pauzi Ibrahim, beliau menyaksikan sendiri bagaimana pelajar lepasan institut kemahiran gagal mengendalikan operasi mesin yang paling mudah (Utusan Malaysia 13 September, 2002). Jesteru satu kajian mengenalpasti tahap ketrampilan pelajar perlu dilaksanakan bagi memastikan pelajar Institut Latihan Kemahiran benar-benar dapat memiliki kemahiran seperti yang dikehendaki oleh pihak industri. Ini adalah kerana kebimbangan kekurangan penguasaan kemahiran ini akan menjejaskan pasaran kerja seseorang graduan (Owen et al 2002).

1.4 Objektif Kajian

- i. Mengukur tahap ketrampilan kemahiran teknikal graduan IKBN dalam melaksanakan kerja di sektor industri dari persepsi pelajar lepasan IKBN.
- ii. Mengukur tahap ketrampilan kemahiran teknikal graduan IKBN dalam melaksanakan kerja di sektor industri dari persepsi pihak majikan.
- iii. Mengenalpasti perbezaan maklumbalas (*Gap Analysis*) di antara persepsi graduan IKBN dengan pihak majikan.
- iv. Mengenalpasti ciri-ciri kemahiran lain yang diperlukan oleh pihak industri yang dapat memenuhi pasaran kerja Jurusan Mekanikal.

1.5 Persoalan Kajian

- i. Sejauhmanakah tahap ketrampilan kemahiran teknikal graduan IKBN dalam melaksanakan kerja di sektor industri dari persepsi pelajar lepasan IKBN?.
- ii. Sejauhmanakan tahap ketrampilan kemahiran teknikal graduan IKBN dalam melaksanakan kerja di sektor inudstri dari persepsi pihak majikan?
- iii. Apakah terdapat perbezaan maklumbalas di antara persepsi graduan IKBN dengan pihak majikan?.
- iv. Apakah ciri-ciri kemahiran lain yang diperlukan oleh pihak industri dalam pasaran kerja Jurusan Mekanikal?.

1.6 Kerangka Teori

Dalam kajian ini, pengkaji telah merangka kerangka teori seperti dalam rajah 1.2 sebagai panduan untuk menjalankan kajian terhadap Ketrampilan Kemahiran Teknikal graduan IKBN. Kajian ini mengambil kira dua persepsi samada dari persepsi graduan IKBN yang sedang bekerja di sektor industri dan dari persepsi pihak majikan di sektor industri/syarikat.

Setelah maklumat mengenai graduan IKBN diperolehi, borang soal selidik akan diedarkan kepada responden melalui kaedah penghantaran pos. Bagi mendapatkan maklumat dari pihak industri pula, borang soal selidik akan dihantar kepada pegawai Pembangunan Sumber Manusia syarikat/industri yang mempunyai pekerja dari lepasan IKBN.


Data yang diperolehi dari kaedah borang soal selidik akan di analisis dengan menggunakan perisian SPSS. Hasil dari kajian ini dapat membuktikan tahap ketrampilan kemahiran teknikal graduan IKBN samada mereka berada di tahap yang tinggi, sederhana atau rendah dalam melaksanakan kerja mereka di sektor industri/syarikat.

Untuk menjalankan kajian ini, pengkaji telah mengariskan panduan yang boleh digunakan oleh pengkaji sepanjang menjalankan kajian ini.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Rajah 1.2: Kerangka Teori Ketrampilan Kemahiran Teknikal Graduan IKBN



1.7 Kepentingan Kajian

Kepada IKBN

i. Melalui kajian ini, pihak IKBN mendapat maklumbalas mengenai kemahiran teknikal yang diperolehi oleh pelajar lepasan IKBN samada mereka mempunyai kemahiran yang diperlukan oleh pihak industri. Sekiranya terdapat kekurangan daripada segi kemahiran atau ilmu pengetahuan maka, pihak IKBN boleh cuba memperbaiki atau meningkatkan lagi kualiti pelaksanaan Institut Latihan Kemahiran ini ke arah yang lebih berkualiti sejajar dengan perkembangan dunia teknologi.

Kepada Industri:

i. Industri dapat meningkatkan produktiviti pengeluaran dengan mempunyai tenaga kerja yang bersesuaian dengan kehendak pasaran industri.

Kepada Pelajar

i. Pelajar dapat meningkatkan pencapaian diri mereka melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak industri berkaitan kemahiran yang diperlukan oleh pihak industri.

1.8 Skop kajian

Kajian ini hanya melibatkan dua kumpulan responden yang terdiri daripada graduan IKBN dan pihak majikan pekerja lepasan IKBN. Kajian ini memilih responden graduan IKBN pada tahun 2003/2004 bagi Jurusan Mekanikal Pemesinan yang ditawarkan oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Bagi mendapatkan maklumat mengenai Ketrampilan Kemahiran Teknikal graduan IKBN dari persepsi majikan borang soal selidik akan diedarkan kepada Pegawai Sumber Manusia yang mempunyai pekerja dari lepasan IKBN.

1.9 Batasan Kajian

Sepanjang menjalankan kajian ini, pengkaji menghadapi kesukaran dalam melaksanakan kajian. Di antaranya ialah:

- i. Mendapat kerjasama dari graduan IKBN dalam mengisi borang soal selidik dan mengembalikannya kepada pengkaji.
- ii. Mendapatkan kerjasama dari pihak industri dalam mendapatkan maklumat mengenai graduan IKBN yang sedang berkerja di sektor industri.
- iii. Data yang diperolehi daripada responden merangkumi Jurusan Mekanikal Pemesinan tahun 2003/2004 sahaja.

RUJUKAN

Aziz Deraman, Syahrul Fahmy, M.Naim Yaakub dan A.Aziz Jemain (2002). "Benefit, Monitoring & Evaluation System: A case Study of Malaysia Technical Education System".

Abdullah Haji Samsudin, Nooriah Yusof, Morshidi Sirat (2000). "Asia Timur, Pusat Pertumbuhan Baru Ekonomi Dunia". Edisi Pertama. Dewan Bahasa dan Pustaka. K.L

Abdullah dan Ainon (2000). "Kemahiran Interpersonal Untuk Guru Bestari". Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd. 23-27

Ai-Hwa Quek (2005). "Learning for the workplace: A case study in graduate employee's generic competencies". *Journal of Workplace Learning*. Vol.17 No.4, 2005 pp.331-242

Berita harian. (22 Ogos 2004). "Lulusan IPT gagal dapat Pekerjaan kerana Tiada Kemahiran". *Berita Harian* :Artikel

Best, J.W and Kahn J.V. (1998), "Research in Education", 8th ed. United States of America:Allyn and Bacon

Billet, S. (2001). "Learning in the workplace: Strategies for effective Practice". Allen & Unwin, St Leonards.

Cates, W, M. (1985). Terjemahan Syaharom Abdullah (1990). "*Panduan Amali untuk Penyelidikan Pendidikan*". Kuala Lumpur.: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Chek Mat (2000). "Pengurusan Kerjaya". Edisi Pertama. Utusan Publications & Distributions.
- Dunn Smith. Paulette (2004). "Looking beyond small states: How do we measure up in Competency-Based Assessment- A case study of Jamaica". Conference of the Association of Commonwealth Accreditation and Assessment Bodies March 8-13, 2004.
- Ee Ah Meng (1994). "Psikologi Dalam Bilik Darjah Kuala Lumpur", Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Fu Ah Kiow (8 Sept 2004). "Graduan Politeknik Jadi rebutan". The New Strait Time Press (M) Bhd.
- Goetsh, David L (2004). "Effective Teamwork : Ten Steps For Technical Professions". New Jersey : Pearson Education, Inc 71-74
- Ismail Bakar (2003) "Penjuruteraan semula PTV : 1 Cetusan pemikiran dan tinjauan dalam persidangan kebangsaan pendidikan teknik dan vokasional". Batu Pahat. KUiTTHO.
- Jaafar Muhamad (2000)." Kelakuan Organisasi". K.L : Leeds Publication.
- Jamal Ali (2003). "Ekonomi Malaysia Satu Analisis Dasar" : Dewan Bahasa dan Pustaka. Edisi Pertama.
- Jessnor Elmy Mat Jizat (2005). "Amalan Pengurusan Pengetahuan Di SMK (P) Sultan Ibrahim, Johor Baharu". Prosiding Seminar Pendidikan JPPG.
- Kamarudin Hj. Husin & Siti Hajar Hj. Abdul Aziz (2004). Pedagogi: "Asas Pendidikan". Kuala Lumpur : Affluent Master Sdn. Bhd.

- Mohd Majid Konting (1990). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan". Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mason, J.C (1992). "Science and technology education:challenges in the new ,millennium", 10th Public lecture, Confederation of Scientific and Technological Association, Malaysia (Costam), Selangor, July.A
- Mohammad Najib Abdul Ghafar (1999). "*Penyelidikan Pendidikan*". Skudai. :Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Yahya Mohamed Ariffin (2000). "55 kerjaya pilihan" Edisi Kedua. Seri Kembangan Utusan Publications & Distributor Sdn.Bhd.
- Mohd Azhar et al (2004). "Andragogi : Mengajar Orang Dewasa." Pahanf : PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd. 155-157
- Mohd Zaid Yusof (1996). "Teknologi Industri : Kawalan Mutu dan Peralatan". Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- New Sunday Times, 2002
- News Straits Time, 30 Mei 2004
- Noresh (2002). "Kamus Dewan". Edisi Ketiga. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Patrick Pillai (1992). "Training For Skilled Occupations Involvement & Role of Industry German and Malaysian experience". First Edition. Geothe, Institute Kuala Lumpur.

Quek, A.H (1996). "Trends and potentials in higher education and training: a Malaysian Perseptive", paper presented at the Workshop on Higher Education and Training, Baden-Wurttemberg, November.

Sear, P.A (1994). "Some thoughts on changing paradigms in management and education: the role of production and operations research facilities in the educational outcome movement", Proceedings of the Educational and Research Foundation 1994 International Conference and Exhibition, APICS, San Diego, CA, pp.33-35.

Sidek Mohd Noah (2002). "Reka bentuk penyelidikan : falsafah, teori dan praktis".
Penerbit Universiti

Supiah Ali, Rahmah Ismail, Muhammad Annuar Adnan (1997). "Pembangunan Sumber Manusia di Malaysia". Edisi Pertama. UKM Bangi.

Uma Sekaran (2000). "Research Method for Business", 3rd., New York : John Wiley & Sons Inc.

Wiersma, W. (1995). "Research Methods in Education: An Introduction Sixth Edition".
Massachusetts: Allyn and Bacon.

Zack, M.H (1999), "Developing a knowledge strategy". California Management Review; Berkeley,

Rujukan Internet

Abdul Aziz Hussin (2001). "Keselamatan Pekerja Di tapak Bina Tanggungjawab Bersama". Dicapai pada 23 Aeptember 2006.

<http://www.hbp.usm.my/aziz/keslmtanpkerja.htm>.

Baker, David P et. al (2005). "The ALL Teamwork Framework". Measuring Adult Literacy and Life Skills : New Framework for Assessment. Dicapai pada 23 April 2006. <http://www.nald.ca/fulltext/measlit/Part3.pdf>.

Buletin P&P (September, 2004) "Atribut Graduan UTM dan Strategi Untuk Memastikan" Edisi 2. Artikel: Dicapai pada 14 Ogos 2006
<http://www.ctl.utm.my/buletin/edisi2/artikel.htm>

Buletin P&P (Jun 2004). "Pembinaan Atribut Graduan dan Penerapan Kemahiran Generik Di kalangan Pelajar UTM". Edisi 1: Artikel. Dicapai pada 14 Ogos 2006. <http://www.ctl.utm.my/buletin/edisi1/artikel.htm>

Callan, Victor J (2003). "Understanding Vocational Education And Training Education". Clearinghouse On Adults, Career and Vocational Education, no.22. Dicapai pada 2 March 2006
<http://www.erecacve.org/digests.asp>.

Jayagopan Ramasamy. "Model Kompetensi".
<http://www.jpa.gov.my/buletinjpa/J2bil2/KOMPETENSI.htm>

Laporan Ekonomi Malaysia pada Tahun 2003 (2003), pg 2.
<http://www.bnm.gov.my/files/publication/ar/bm/2003/cpo1.pdf>.

Laporan Parlimen Kesebelas, 29 Mac 2005

<http://www.malaysia-today.net/parlimen/2005/04/mengapakah-malaysia-memiliki-pekerja.htm>

Muh Muslih (2004). Selamat Tinggal Kurikulum 1994.

<http://www.suaramerdeka.com/harian/0401/19/kha2.htm>

Pumphrey, P dan Slater, J (2001). "A Comprehensive Summary of Generic Skills Requirements." The Council For Administration, Clapham Common, London.
Http://www.dfes.gov.uk/skillsdialoguereports/does/Sd13_Generic.pdf. Dicapai pada

Pusat Perkembangan Kurikulum (1998). http://www.ppkpkm.my/file%20pdf/skk_2.pdf.

Syed Mahadzir Syed Ibrahim (2005). "Belia Mapan Penyumbang Kecemerlangan Masa Depan Negara".

<http://www.yadim.com.my/Remaja/RemajaFull.asp?RemajaID=88>

Tan, Peng Boo (1996). "Human Resource Development In Asia and the Pasifin In The 21st Century : Issues and Challenges For employers and their Organisations".
For Employers and their Organisation.

<http://www.ilo.org/public/english/dialogue/actemp/papers/19988/tanhrd2.htm>.

Utusan Malaysia (13 Sept 2002). "Melayu kurang sedar peluang perniagaan berasas teknikal".

http://www.utusan.com.my/utusan/archive.asp?y=2002&dt=0914&pub=utusan_malaysia

Utusan Malaysia (6 Ogos 2003). "Panel Penasihat Pakar bantu atasi kelemahan PKS"

http://www.utusan.com.my/utusan/archive.asp?y=2003&dt=0807&pub=utusan_malaysia

Utusan Malaysia (23 Sept 2005). “Kemahiran berkomunikasi untuk graduan”.

[http://www.utusan.com.my/utusan/content.asp?y=2006&dt=0924&pub=Utusan
Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_07.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/content.asp?y=2006&dt=0924&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_07.htm)

Utusan Malaysia (9 April, 2006).” 40,000 profesional diwujudkan dalam RMK-8”. Dicapai pada 30 Jun 2006.

[http://www.utusan.com.my/utusan/archive.asp?y=2004&dt=0410&pub=utusan
malaysia&sec=dalam%5Fnegeri&pg=dn_09.htm&arc](http://www.utusan.com.my/utusan/archive.asp?y=2004&dt=0410&pub=utusan_malaysia&sec=dalam%5Fnegeri&pg=dn_09.htm&arc)

Utusan Malaysia (27 April, 2006).“RM45b tingkat modal insan”. Dicapai pada 30 Jun

[http://www.utusan.com.my/utusan/archive.asp?y=2006&dt=0428&pub=utusan
malaysia&sec=parlimen&pg=pa_02.htm&arc](http://www.utusan.com.my/utusan/archive.asp?y=2006&dt=0428&pub=utusan_malaysia&sec=parlimen&pg=pa_02.htm&arc)

Wikipedia. “Competence”.

[http://en.wikipedia.org/wiki/Talk:Competence_\(human_resources\)](http://en.wikipedia.org/wiki/Talk:Competence_(human_resources))



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH